



**PERATURAN AKADEMIK  
PENGAJIAN  
PASCASISWAZAH  
*POSTGRADUATE STUDIES*  
*ACADEMIC REGULATION***

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Edisi Keenam 2023

*Sixth Edition 2023*

Kelulusan Senat Bil. 1/2023/2024 bertarikh 15 Oktober 2023

*Senate Endorsement No. 1/2023/2024 dated 15 October 2023*

Hakcipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau lain-lain bentuk terbitan, tanpa keizinan bertulis daripada Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

*Copyright reserved, any part of the contents of this book is not permitted to be reproduced in any form and by any means whether electronic or mechanical, including photocopying, recording or other forms of publication, without the written permission of the Vice-Chancellor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.*

# KANDUNGAN

## Content

<b>1.0</b>	<b>Nama Peraturan .....</b>	<b>1</b>
	<i>Name of Regulations .....</i>	<i>1</i>
<b>2.0</b>	<b>Tafsiran .....</b>	<b>1</b>
	<i>Interpretation .....</i>	<i>1</i>
<b>3.0</b>	<b>Pendaftaran Program.....</b>	<b>14</b>
	<i>Programme Registration.....</i>	<i>14</i>
<b>4.0</b>	<b>Bentuk Pendaftaran Program dan Tempoh Pengajian.....</b>	<b>14</b>
	<i>Registration Status and Duration of Study.....</i>	<i>14</i>
<b>5.0</b>	<b>Pertukaran Program dan Jenis Pengajian .....</b>	<b>15</b>
	<i>Change of Programme and Type of Study.....</i>	<i>15</i>
<b>6.0</b>	<b>Pertukaran Status Pendaftaran dari Sarjana ke Doktor Falsafah (Naik Taraf).....</b>	<b>18</b>
	<i>Change of Registration Status from Master to Doctor of Philosophy (Upgrade) .....</i>	<i>18</i>
<b>7.0</b>	<b>Mod Pengajian .....</b>	<b>20</b>
	<i>Mode of Study .....</i>	<i>20</i>
<b>8.0</b>	<b>Pendaftaran Kursus .....</b>	<b>21</b>
	<i>Course Registration.....</i>	<i>21</i>
<b>9.0</b>	<b>Pembetulan Pendaftaran Kursus.....</b>	<b>23</b>
	<i>Amendment of Course Registration .....</i>	<i>23</i>
<b>10.0</b>	<b>Tarik Diri Kursus (TD).....</b>	<b>24</b>
	<i>Tarik Diri Kursus (TD) or Course Withdrawal.....</i>	<i>24</i>
<b>11.0</b>	<b>Ulang Kursus (UK) .....</b>	<b>26</b>
	<i>Ulang Kursus (UK) or Repeat Course .....</i>	<i>26</i>
<b>12.0</b>	<b>Kehadiran.....</b>	<b>27</b>
	<i>Attendance .....</i>	<i>27</i>
<b>13.0</b>	<b>Beban Akademik.....</b>	<b>28</b>
	<i>Academic Load .....</i>	<i>28</i>
<b>14.0</b>	<b>Perpindahan Kredit .....</b>	<b>29</b>
	<i>Credit Transfer .....</i>	<i>29</i>

<b>15.0</b>	<b>Penangguhan, Penggantungan dan Pemberhentian Pengajian .....</b>	<b>31</b>
	<i>Deferment, Suspension and Termination of Study .....</i>	<i>31</i>
<b>16.0</b>	<b>Laporan Projek Sarjana/ Disertasi/ Tesis.....</b>	<b>37</b>
	<i>Master Project Report/ Dissertation/ Thesis.....</i>	<i>37</i>
<b>17.0</b>	<b>Penyeliaan .....</b>	<b>42</b>
	<i>Supervision .....</i>	<i>42</i>
<b>18.0</b>	<b>Penilaian.....</b>	<b>45</b>
	<i>Assessment .....</i>	<i>45</i>
<b>19.0</b>	<b>Rayuan dan Semakan.....</b>	<b>46</b>
	<i>Appeal and Review.....</i>	<i>46</i>
<b>20.0</b>	<b>Panel Penilai .....</b>	<b>47</b>
	<i>Examiners .....</i>	<i>47</i>
<b>21.0</b>	<b>Sistem Gred.....</b>	<b>48</b>
	<i>Grading System .....</i>	<i>48</i>
<b>22.0</b>	<b>Kedudukan Akademik .....</b>	<b>51</b>
	<i>Academic Standing .....</i>	<i>51</i>
<b>23.0</b>	<b>Penganugerahan .....</b>	<b>53</b>
	<i>Conferment.....</i>	<i>53</i>
<b>24.0</b>	<b>Peruntukan Am .....</b>	<b>54</b>
	<i>General Provisions.....</i>	<i>54</i>
	<b>Jadual 1 - Tempoh Pengajian Bagi Program Pascasiswazah.....</b>	<b>56</b>
	<i>Table 1 - Duration of Study for Postgraduate Programmes.....</i>	<i>56</i>
	<b>Jadual 2 (a) - Pertukaran Tempoh Sepenuh Masa Ke Separuh Masa dan Sebaliknya (Program Sarjana) .....</b>	<b>57</b>
	<i>Table 2 (a) – Exchanging Duration from Full time to Part time and Vice Versa (Master Degree Programme).....</i>	<i>57</i>
	<b>Jadual 2 (b) - Pertukaran Tempoh Sepenuh Masa Ke Separuh Masa Dan Sebaliknya (Program Doktor Falsafah/ Program Doktor Pendidikan).....</b>	<b>58</b>
	<i>Table 2 (b) - Exchanging Duration from Full time to Part time and Vice Versa (Doctor of Philosophy/ Doctor of Education Programme).....</i>	<i>58</i>
	<b>Jadual 3 – Kredit Minimum dan Maksimum Bagi Satu Semester .....</b>	<b>59</b>
	<i>Table 3 - Minimum and Maximum Credits per Semester.....</i>	<i>59</i>

<b>Jadual 4 - Garis Panduan Perakuan Keputusan Peperiksaan Lisan dan Tesis .....</b>	<b>60</b>
<i>Table 4 – Guidelines on Viva Voce Results and Thesis Recommendation .....</i>	<i>60</i>
<b>Jadual 5 - Markah, Gred Mata Nilai dan Status Pencapaian Kursus.....</b>	<b>69</b>
<i>Table 5 - Marks, Grade Point and Course Achievement Status .....</i>	<i>69</i>
<b>Jadual 6 - Kedudukan Akademik bagi Kerja Kursus dan Mod Campuran.....</b>	<b>70</b>
<i>Table 6 – Academic Standing for Coursework and Mixed Mode .....</i>	<i>70</i>
<b>Jadual 7 - Kedudukan Akademik Bagi Mod Penyelidikan.....</b>	<b>71</b>
<i>Table 7 - Academic Standing for Research Mode .....</i>	<i>71</i>
<b>Jadual 8 - Status Pendaftaran Kursus dan Gred Keputusan .....</b>	<b>72</b>
<i>Table 8 – Course Registration Status and Result Grading .....</i>	<i>72</i>
<b>Jadual 9 - Syarat Penerbitan Bagi Tujuan Penganugerahan .....</b>	<b>74</b>
<i>Table 9 – Publication Requirements for the Award of the Degree .....</i>	<i>74</i>

## 1.0 Nama Peraturan

### *Name of Regulations*

Peraturan ini dinamakan Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

*This regulation is called Postgraduate Studies Academic Regulation Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.*

## 2.0 Tafsiran

### *Interpretation*

Di dalam Peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain;

*In this regulation, unless the context of the statement warrants different interpretation;*

“bermastautin”

ertinya pelajar dikehendaki berada di dalam kawasan kampus dalam jangka masa tertentu dan/ atau mengikuti apa-apa program yang ditentukan oleh pihak Universiti;

*“residential”*

*means students are required to be within the campus area within a specified period of time and/ or adhere to any programme determined by the University;*

“calon pelajar”

ertinya calon yang ditawarkan untuk mengikuti mana-mana program tetapi belum membuat pendaftaran program;

*“prospective student”*

*refers to the prospective student who are offered a placement in any programme but have yet to register;*

“CGPA” (*Cumulative Grade Point Average*)

ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif yang diperolehi bagi semua semester yang diikuti;

“CGPA” (*Cumulative Grade Point Average*)

*refers to the Cumulative Grade Point Average obtained for all semester registered/enrolled.*

“disertasi”

merujuk kepada dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar program kedoktoran secara kerja kursus dan program sarjana secara mod campuran sahaja;

“*dissertation*”

*refers to the original research documents prepared and submitted by postgraduate student(s) enrolled in doctorate programme in coursework mode and master programme in mixed mode only;*

“e-LKP”

ertinya laporan kemajuan penyelidikan secara dalam talian;

“*e-LKP*”

*refers to online research progress reports;*

“Fakulti”

ertinya mana-mana Fakulti dan Pusat Pengajian di dalam Universiti;

“*Faculty*”

*refers to any of the Faculties at the University including the Centres of Study;*

“GPA” (*Grade Point Average*)

ertinya Purata Mata Nilai Gred yang diperolehi dalam sesuatu semester;

“*GPA*” (*Grade Point Average*)

*refers to the Grade Point Average obtained in a semester;*

“Hadir Sahaja”

ertinya status pendaftaran mana-mana kursus yang diambil bukan untuk mendapatkan kredit dan tidak diberikan sebarang gred ke atasnya. Ia dicatat dalam transkrip sebagai Hadir Sahaja (HS);

*“Hadir Sahaja”*

*refers to the registration status of a course taken not for credit purposes and is ungraded. It shall stated as Hadir Sahaja (HS) in the transcript;*

“Hadir Wajib”

ertinya status pendaftaran mana-mana kursus yang akan dinilai sebagai Hadir Lulus (HL) sekiranya lulus atau Hadir Gagal (HG) sekiranya gagal; dan diberikan status HWUK sekiranya mengulang daftar kursus tersebut;

*“Hadir Wajib ”*

*refers to the registration status of any courses that shall be appraised as Hadir Lulus (HL) if passed or Hadir Gagal (HG) if failed; and shall be given HWUK status if repeating the course registered;*

“HWUK”

ertinya Hadir Wajib Ulang Kursus;

*“HWUK”*

*refers to Compulsory Attendance Repeat Course;*

“ijazah”

ertinya penganugerahan yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang memenuhi syarat program diploma lepasan ijazah atau sarjana atau doktor falsafah atau yang setaraf dengannya;

*“degree”*

*refers to an award given by the University to a student who fulfills the requirements of the postgraduate diploma programme, master degree or doctor of philosophy or its equivalent;*



“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti” (JKPSF)

ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk merancang dan mengawal selia program pengajian pascasiswazah di peringkat Fakulti;

*“Faculty Graduate Studies Committee” (JKPSF)*

*refers to the committee formed within the Faculty to organize and regulate postgraduate study programmes at the Faculty level.*

“Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah” (JAPS)

ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di Pusat Pengajian Siswazah untuk menyelaraskan dan menguruskan hal ehwal akademik serta peperiksaan pengajian pascasiswazah;

*“Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah” (JAPS)*

*refers to the committee formed at the Centre for Graduate Studies to administer and manage academic affairs as well as postgraduate studies examinations;*

“Jawatankuasa Pengajian Siswazah” (JKPS)

ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti untuk memperakukan dan melaporkan hal ehwal akademik serta peperiksaan pengajian pascasiswazah ke Senat;

*“Jawatankuasa Pengajian Siswazah” (JKPS)*

*refers to the committee formed by the University to endorse and report on academic affairs as well as postgraduate examinations to the Senate;*

“jenis pengajian”

ertinya pelaksanaan program secara sepenuh masa atau separuh masa;

*“type of study”*

*refers to full time or part time programme type;*

“Kedudukan Baik Tamat Program” (KBTP)

ertinya status yang diberikan kepada pelajar yang telah cukup bilangan kredit lulus tetapi tidak memenuhi syarat bergraduan;

*“Kedudukan Baik Tamat Program” (KBTP)*

*refers to status given to student who had completed the requisite total credit but did not fulfill the graduation requirements;*

“kerja kursus”

ertinya kaedah pelaksanaan sesuatu program pengajian pascasiswazah yang memerlukan pelajar mengikuti kuliah dan/ atau menjalani latihan akademik yang berbentuk tugas, kertas projek dan seumpamanya;

*“coursework”*

*refers to the implementation method of a postgraduate programme which requires a student to attend lectures and/or academic training in the form of assignments, project papers and etc.;*

“kredit dapat”

ertinya kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus;

*“kredit dapat”*

*refers to the credit earned for all passed courses;*

“kredit kira”

ertinya kredit yang diambilkira dalam pengiraan GPA dan CGPA;

*“kredit kira”*

*refers to the credits considered in the calculations of GPA and CGPA;*

“kursus prasyarat”

ertinya kursus tambahan yang ditetapkan bagi memperkukuh pengetahuan/ kemahiran berkaitan sesuatu bidang;

*“prerequisite courses”*

*refers to compulsory additional courses to enhance knowledge/ skills in a certain field;*

“mod campuran”

ertinya program yang menggabungkan kerja kursus dan penyelidikan;

*“mixed mode”*

*refers to a programme that combines coursework and research works;*

“Panel Pemeriksa”

ertinya jawatankuasa yang dilantik untuk melaksanakan peperiksaan lisan program pengajian peringkat sarjana secara penyelidikan atau doktor falsafah;

*“Panel of Examiners”*

*refers to the committee appointed to conduct the oral examination for master programme in research mode or doctor of philosophy programme;*

"Panel Penilai"

ertinya panel yang terdiri daripada sekurang-kurangnya DUA (2) ahli termasuk seorang pengerusi yang dilantik oleh Fakulti/ Pusat masing-masing menilai disertasi (doktor pendidikan dan mod campuran)/ projek sarjana (kerja kursus) pelajar;

*“Panel of Evaluators”*

*refers to a panel consisting of at least TWO (2) members including a chairman appointed by the respective Faculty/ Centre to evaluate the dissertation (doctor of education and mixed mode)/ master project (coursework) of students;*

“pelajar”

ertinya seseorang yang telah didaftar untuk mengikuti program pengajian pascasiswazah di Universiti ini;

*“student”*

*refers to a person who has been registered to pursue a postgraduate programme at this University;*

“Pemeriksa Dalam”

ertinya staf akademik Universiti yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan kelulusan Senat untuk menilai tesis dan peperiksaan seseorang pelajar program sarjana penyelidikan dan doktor falsafah;

*“Internal Examiner”*

*refers to the University academic staff appointed by the Centre for Graduate Studies with the approval of the Senate to evaluate the thesis and examination of a student enrolled in master programme in research mode and doctor of philosophy programmes;*

“Pemeriksa Luar”

ertinya seseorang dari luar Universiti yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan kelulusan Senat untuk menilai tesis dan peperiksaan seseorang pelajar program sarjana penyelidikan dan doktor falsafah;

*“External Examiner”*

*refers to an expert from outside the University appointed by the Centre for Graduate Studies with the approval of the Senate to evaluate the thesis and examination of a student enrolled in master programme in research mode and doctor of philosophy programmes;*

“pendaftaran berdenda”

ertinya pendaftaran kursus lewat yang dibuat dalam tempoh TUJUH (7) hari selepas tempoh pendaftaran kursus yang ditetapkan;

*“registration with penalty”*

*refers to late course registration made within SEVEN (7) days after the prescribed course registration period;*

“pendaftaran lewat berdenda”

ertinya pendaftaran kursus lewat yang dibuat selepas tempoh Pendaftaran Berdenda bagi kes-kes tertentu yang diluluskan oleh Dekan Fakulti;

*“late registration with penalty”*

*refers to course registration made later than the late course registration for cases approved by the Dean of Faculty;*

“Penilaian Naiktaraf Tahap Pengajian (PNTTP)”

ertinya penilaian secara menyeluruh untuk menilai pencapaian akademik dan keupayaan pelajar sarjana penyelidikan yang akan melayakkannya untuk dinaiktaraf tahap pengajian ke program doktor falsafah;

*“Penilaian Naiktaraf Tahap Pengajian (PNTTP)”*

*refers to a comprehensive assessment to evaluate the academic achievement of Master candidate in research mode that will qualify them for an upgrade to the doctor of philosophy programme;*

“penyelia”

ertinya Penyelia Utama dalam kalangan staf akademik Universiti yang berstatus aktif yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah atas kelulusan Pihak Berkuasa Melulus untuk menyelia penyelidikan dan tesis pelajar. Pelajar pengajian pascasiswazah perlu diselia oleh seorang staf siswazah;

*“supervisor”*

*refers to the Main Supervisor who is an active academic staff in the University appointed by the Centre for Graduate Studies with the approval of The*

*Approving Authority to oversee the research and thesis of a postgraduate student. Postgraduate students must be under the guidance and supervision of a minimum of ONE (1) postgraduate staff;*

“penyelia bersama”

ertinya seseorang yang dilantik bersama-sama dengan penyelia utama untuk menyelia penyelidikan dan tesis pelajar. Beliau boleh dilantik dari dalam atau luar Fakulti atau luar Universiti atau industri;

*“co-supervisor”*

*refers to an academic staff appointed along with the main supervisor to co-supervise the student’s research and thesis. A co-supervisor may be appointed from within or outside the Faculty or the University or industry;*

“peperiksaan”

ertinya sebarang bentuk penilaian untuk mengukur pencapaian akademik pelajar;

*“examination”*

*refers to any form of assessment to evaluate student academic achievement;*

"peperiksaan khas"

ertinya peperiksaan yang dilaksanakan kepada pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir atas sebab-sebab munasabah yang diterima oleh Universiti;

*“special examination”*

*refers to replacement examination conducted to a student who was absent during the final examination for valid reasons accepted by the University;*

“peperiksaan kelayakan”

ertinya mana-mana ujian atau peperiksaan yang ditentukan oleh Fakulti untuk menilai kelayakan atau tahap pencapaian akademik pelajar yang mengikuti program pengajian pascasiswazah;

*“qualifying examination”*

*refers to any assessment determined by the Faculty to evaluate the qualifications or level of academic achievement of students pursuing a postgraduate programme;*

"peperiksaan lisan"

ertinya satu sesi penilaian di mana pelajar dikehendaki membentangkan dan mempertahankan tesis kepada Panel Pemeriksa;

*“viva voce”*

*refers to an oral examination that requires students to present and defend their thesis to the panel of examiners;*

“Pihak Berkuasa Melulus”

ertinya pegawai Universiti atau jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti yang diberi kuasa untuk membuat keputusan terhadap apa-apa permohonan yang dikemukakan kepadanya tertakluk kepada kuasa-kuasa yang berkaitan;

*“The Approving Authority”*

*refers to University officer or committee established by the University which have been given the authority to decide on any submitted application to them subject to specific authorization;*

"plagiat"

ertinya menggunakan idea, perkataan, diagram, rajah, jadual, carta, gambar dan apa sahaja hasil kerja orang lain tanpa mengiktiraf sumber asal;

*“plagiarism”*

*refers to the utilisation of ideas, words, diagrams, tables, charts, pictures and any other work of others without acknowledging the original source;*

“program”

ertinya program pengajian pascasiswazah iaitu diploma lepasan ijazah atau sarjana atau doktor falsafah atau yang setaraf dengannya dalam bidang-bidang tertentu;

*“programme”*

*refers to postgraduate programmes including postgraduate diploma or master or doctor of philosophy level or any of its equivalents in certain fields;*

“projek sarjana”

merujuk kepada dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar program sarjana secara mod kerja kursus sahaja;

*“master project”*

*refers to the original research documents prepared and submitted by postgraduate student(s) enrolled in master programme in coursework mode only;*

“Pusat Pengajian Siswazah” (PPS)

ertinya Pusat yang ditubuhkan oleh Universiti untuk mengurus, mentadbir, merekod dan menyelaras pengendalian program pengajian pascasiswazah;

*“Centre for Graduate Studies” (CGS)*

*refers to the Centre formed by the University to manage, administer, record and coordinate postgraduate programmes;*

“Semester Lazim”

ertinya Semester I dan Semester II yang merangkumi 14 minggu pengkuliahahan;

*“Regular Semester”*

*refers to Semester I and Semester II which includes 14 weeks of lectures;*



“Semester Pendek”

ertinya Semester III yang merangkumi 8 minggu pengkuliahan;

*“Short Semester”*

*refers to Semester III which includes 8 weeks of lectures;*

“Senat”

ertinya Senat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;

*“Senate”*

*refers to the Senate of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;*

“staf akademik”

ertinya kakitangan akademik atau tenaga pengajar yang bertugas secara sepenuh masa/ separuh masa dan berjawatan tetap/ kontrak/ sambilan atau lain-lain lantikan yang diluluskan pelantikannya oleh Pihak Berkuasa Melulus yang berkaitan;

*“academic staff”*

*refers to an academic staff or instructor on full-time/ part-time basis and in a permanent position/ contract/ part-time or other appointment as sanctioned by the pertinent Approving Authority;*

“staf siswazah”

ertinya seseorang dengan kelayakan ijazah doktor falsafah atau yang setaraf dengannya atau sekurang-kurangnya profesor madya dengan kelayakan ijazah sarjana;

*“graduate staff”*

*refers to a person with a doctor of philosophy degree qualification or its equivalent or at least an associate professor with a master degree qualification;*

“Tambah Baik (TB)”

ertinya kursus yang mendapat gred A-, B+, B dan B- sahaja yang boleh diambil semula dengan tujuan memperbaiki GPA dan CGPA;

*“Tambah Baik (TB)”*

*refers to courses with grades of A-, B+, B, and B- only which can be repeated with the purpose of improving GPA and CGPA;*

"tempoh lazim"

ertinya tempoh kebiasaan pelajar menyelesaikan pengajian;

*“standard duration”*

*refers to the student standard duration to complete the study;*

"tesis"

ertinya hasil penulisan ilmiah yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat kelulusan program pengajian pascasiswazah;

*“thesis”*

*refers to the academics scholarly writing submitted by students to fulfill the requirements for approval of postgraduate study programs;*

“Ulang Kursus (UK)”

ertinya status yang diberikan kepada kursus yang diulang oleh pelajar kerana gagal;

*“Ulang Kursus (UK) or Repeat Course”*

*refers to the status given to a failed course repeated by a student;*

“Universiti”

ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM);

*“University”*

*refers to Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM);*

### **3.0 Pendaftaran Program**

#### ***Programme Registration***

- 3.1 Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pendaftaran pengajiannya tertakluk kepada SATU (1) semester sahaja dengan kebenaran Pusat Pengajian Siswazah. Sekiranya pelajar gagal mendaftar selepas DUA (2) semester dari tarikh pendaftaran sebenar, pelajar perlu mengemukakan permohonan baharu.

*Students may apply for registration deferment limited to ONE (1) semester with the consent of the Centre for Graduate Studies. Failure to register within the TWO (2) semesters from the actual registration date, shall result in the requirement for the student to submit a new application.*

- 3.2 Calon pelajar wajib mendaftar program pengajian dan memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran bersyarat.

*Prospective students are required to register for the programme of study and adhered to the regulations outlined in the conditional offer letter.*

### **4.0 Bentuk Pendaftaran Program dan Tempoh Pengajian**

#### ***Registration Status and Duration of Study***

- 4.1 Pelajar tempatan boleh memilih untuk mengikuti program secara sepenuh masa atau separuh masa tertakluk kepada program yang ditawarkan oleh Fakulti. Walau bagaimanapun, pelajar antarabangsa wajib mengikuti program secara sepenuh masa.

*Local students have the options to enroll in full time or part time programme offered by the Faculty. However, international students are required to attend a full-time programme.*

- 4.2 Pelajar sepenuh masa atau separuh masa hendaklah menamatkan pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Jadual 1**.

*Full time or part time students are required to complete their studies within the stipulated period as shown in **Table 1**.*

- 4.3 Tempoh minimum pengajian untuk sesuatu program boleh ditetapkan oleh Fakulti dengan syarat tidak kurang daripada tempoh minimum yang dinyatakan di **Jadual 1** dan syarat minimum dokumen standard program (MQA), tertakluk kepada kelulusan Senat.

*The minimum duration for a programme may be determined by the Faculty and it should not be less than the minimum duration as tabulated in **Table 1** and the minimum requirements of the programme standard document (MQA), subject to the approval of the Senate.*

- 4.4 Pelajar penyelidikan (sarjana atau doktor falsafah) yang berpindah ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia perlu mendapat kelulusan bertulis mengenai kebenaran perpindahan penyelidikannya dari institusi pengajian tinggi asal. Tempoh pengajiannya akan ditetapkan oleh Senat.

*Research mode students (master and doctor of philosophy) who transfer to Universiti Tun Hussein Onn Malaysia should get written approval regarding the permission of research transfer from the former institution. Minimum duration of study will be determined by the Senate.*

## **5.0 Pertukaran Program dan Jenis Pengajian**

### ***Change of Programme and Type of Study***

- 5.1 Pertukaran Program

*Change of Programme*

- 5.1.1 Pelajar yang berhasrat untuk menukar program pengajian dalam Fakulti atau menukar program pengajian antara Fakulti

boleh memohon dengan mengisi borang permohonan pertukaran program melalui perakuan Fakulti, kelulusan Pejabat Antarabangsa (terhad kepada pelajar antarabangsa) dan dimajukan ke Pusat Pengajian Siswazah.

*Student(s) who wish to change the programme enrolled within the Faculty or inter Faculty can send the application form endorsed by the Faculty, approved by International Office (limited to international student) and forwarded to the Centre for Graduate Studies.*

- 5.1.2 Permohonan pertukaran program hanya dibenarkan SATU (1) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

*The application to change programme is allowed ONE (1) time only throughout the duration of study.*

- 5.1.3 Permohonan pertukaran program hanya dibenarkan selepas pelajar mengikuti sekurang-kurangnya SATU (1) semester pengajian.

*The application to change programme will only be allowed after the student has completed at least ONE (1) semester of the study.*

## 5.2 Pertukaran Jenis Pengajian

### *Change of Type of Study*

- 5.2.1 Pelajar boleh memohon untuk menukar jenis pengajian daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya melalui perakuan Fakulti ke Pusat Pengajian Siswazah. Pertukaran hanya boleh dibuat SATU (1) kali sahaja dalam tempoh pengajian.

*Students can apply to change the type of study from full time to part time or vice versa through Faculty endorsement to the Centre for Graduate Studies. Changes can only be made ONE (1) time only within the duration of study.*

- 5.2.2 Pengiraan baki tempoh pengajian untuk permohonan yang diluluskan adalah mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Universiti sepertimana dalam **Jadual 2 (a)** dan **Jadual 2 (b)**.

*The sum of remaining study duration for the approved application adheres to the University's term stated in **Table 2 (a)** and **Table 2 (b)**.*

- 5.2.3 Pelajar perlu mempunyai baki sekurang-kurangnya DUA (2) semester untuk memohon pertukaran jenis pengajian daripada sepenuh masa ke separuh masa.

*Student(s) should have at least TWO (2) remaining semesters to apply for change of study type from full time to part time.*

- 5.2.4 Pelajar perlu mempunyai baki sekurang-kurangnya DUA (2) semester untuk permohonan pertukaran jenis pengajian daripada separuh masa ke sepenuh masa

*Student(s) should have at least TWO (2) remaining semesters to apply for change type of study from part time to full time.*

## 6.0 **Pertukaran Status Pendaftaran dari Sarjana ke Doktor Falsafah (Naik Taraf)** *Change of Registration Status from Master to Doctor of Philosophy (Upgrade)*

6.1 Pelajar program sarjana secara menyelidikan dibenarkan memohon naik taraf tahap pengajian ke program doktor falsafah, dengan syarat seperti berikut:

*Master student(s) enrolled in master programme in research mode are allowed to apply for a status upgrade to doctor of philosophy programme with these terms:*

- (i) CGPA 3.50 dan ke atas semasa di peringkat sarjana muda;  
*CGPA 3.50 and above during undergraduate studies;*
  
- (ii) Memperolehi persetujuan penyelia;  
membuktikan penerbitan sebagai penulis pertama (sekurang-kurangnya SATU (1) penerbitan);  
*Obtain supervisor's consent;*  
*proven publication as the first author (at least ONE (1) publication);*
  
- (iii) Diperakukan oleh JKPSF;  
*Approved by JKPSF;*
  
- (iv) Permohonan perlu dibuat pada semester kedua pengajian.  
*The application should be made in the second semester of the study.*

## 6.2 Penilaian Naik Taraf Tahap Pengajian (PNTP)

### *Penilaian Naik Taraf Tahap Pengajian (PNTP)*

6.2.1 Pelajar perlu membentangkan cadangan penyelidikan dan diperakukan oleh panel penilai di peringkat Fakulti.

*Student(s) should present the research proposal and gain approval by an evaluation panel at the Faculty level.*

6.2.2 PNTP akan dikendalikan oleh panel penilaian peringkat Fakulti yang terdiri daripada sekurang-kurangnya TIGA (3) orang panel (panel luar, panel dalam dan pengerusi) di mana salah seorang panel mestilah dari kalangan profesor yang dilantik oleh Fakulti berdasarkan kepada kepakaran mereka.

*The assessment for upgrading study level shall be administered by the Faculty's evaluation panel consisting of a minimum of THREE (3) panellist (external panel, internal panel and chairman) whereby one of them must be among professors appointed by the Faculty based on their expertise.*

6.2.3 Perakuan PNTP yang dimajukan oleh Fakulti kepada Pusat Pengajian Siswazah hendaklah dilampirkan bersama-sama Borang Penilaian Pertama dan Borang Laporan Kemajuan Penyelidikan.

*The PNTP approval forwarded by the Faculty to the Centre for Graduate Studies should be attached with the First Evaluation Form and Research Progress Report Form.*



- 6.2.4 Keputusan PNTP perlu mendapat kelulusan Senat. Hanya pelajar yang lulus akan diberikan penukaran tahap pengajian ke peringkat doktor falsafah.

*The PNTP decision is subjected to Senate approval. Only student(s) who passed will be granted the change of study level to doctor of philosophy.*

- 6.2.5 Pelajar yang tidak diperakukan dalam PNTP akan meneruskan pengajian peringkat sarjana.

*Student(s) who did not get the approval in PNTP shall continue the study at master level.*

- 6.3 Tempoh pengajian yang telah dijalani di peringkat sarjana akan diambilkira dalam pengiraan tempoh pengajian di peringkat doktor falsafah.

*The duration of study during the master level shall be accounted for in the study duration at doctor of philosophy level.*

## **7.0 Mod Pengajian**

### ***Mode of Study***

- 7.1 Pelajar boleh memilih salah satu daripada mod pengajian di bawah, tertakluk kepada mod pengajian yang ditawarkan oleh Fakulti:

*Student(s) can choose one of the study mode listed below, subjected to the mode of study offered by the Faculty as listed below:*

- 7.1.1 Kerja kursus; atau

*Coursework; or*

- 7.1.2 Mod campuran; atau

*Mixed mode; or*

7.1.3 Penyelidikan; atau  
*Research; or*

7.1.4 Kerja yang diterbitkan; dan  
*Published works; and*

7.1.5 Mana-mana mod pengajian lain yang diiktiraf oleh Senat Universiti.  
*Any other mode of study approved by the University Senate.*

## **8.0 Pendaftaran Kursus**

### ***Course Registration***

8.1 Pendaftaran kursus bagi pelajar secara kerja kursus dan mod campuran adalah diwajibkan bagi setiap kursus yang diambil pada tiap-tiap semester dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.  
*The course registration for coursework and mixed mode students is compulsory for each course enrolled every semester within the duration set by the University.*

8.2 Pelajar secara penyelidikan perlu mendaftar pada setiap semester sepanjang pengajian mengikut syarat-syarat dan tarikh yang ditetapkan oleh Universiti sehingga perakuan keputusan peperiksaan lisan oleh Senat.  
*Research mode students should register in every semester throughout the study duration adhering to terms and date specified by the University until the approval of viva voce result is obtained from the Senate.*

- 8.3 Pendaftaran kursus bagi pelajar secara penyelidikan akan dibuat secara automatik pada setiap awal semester kecuali pelajar berstatus hutang dan berstatus tangguh pengajian.

*The course registration for research mode students shall be done automatically at the beginning of every semester except for students with in debt status and deferment of study.*

- 8.4 Pendaftaran kursus bagi pelajar antarabangsa bagaimanapun tertakluk kepada sebarang peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia tertakluk kepada kelulusan Senat.

*The course registration for international students shall follow the rules and regulation from the Department of Immigration Malaysia subject to Senate approval.*

- 8.5 Pelajar yang dikehendaki untuk mengikuti kursus prasyarat perlu mendaftar dan lulus kursus prasyarat tersebut.

*The student(s) who are instructed to enroll in prerequisite course(s) should register and pass the prerequisite course(s).*

- 8.6 Pendaftaran Berdenda:

*Registration with Penalty*

Sebarang permohonan pendaftaran kursus lewat daripada tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dikenakan denda pada kadar RM 50.00/ kursus bagi tempoh maksimum TUJUH (7) hari bekerja tertakluk kepada pelajar kanan sahaja.

*Any application for course registration later than the specified duration without any acceptable reasons shall be fined RM 50.00/ course within the duration of a maximum SEVEN (7) working days subjected to senior students only.*

8.7 Pendaftaran Lewat Berdenda:

*Late Registration with Penalty:*

Permohonan melewati tempoh pendaftaran berdenda tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dikenakan denda dengan kadar RM 100.00/ kursus. Manakala pelajar kerja kursus dan mod campuran tidak dibenarkan untuk mendaftar selepas tempoh pendaftaran berdenda.

*The applications exceeding the duration for penalty registration without acceptable reasons shall be fined RM 100.00/course. Student(s) enrolled in coursework and mixed mode programme are not allowed to register after the registration with a penalty duration.*

8.8 Pelajar yang gagal membuat pendaftaran kursus dalam sesuatu semester pengajian tanpa alasan yang diterima oleh Universiti akan diberhentikan daripada pengajian.

*Student who fails to register any courses within the semester without any reasons accepted by the University shall be terminated from the study.*

**9.0 Pembetulan Pendaftaran Kursus**

***Amendment of Course Registration***

9.1 Pelajar bertanggungjawab mengemaskini maklumat pendaftaran kursus dalam Sistem Maklumat Akademik Pelajar sebelum atau pada minggu KEDUA (2) semester berkenaan berdasarkan jadual kerja yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah.

*The student(s) are responsible to update course registration information in the Student's Academic Information System before or on the SECOND (2nd) week of the semester in accordance with the work schedule specified by the Centre for Graduate Studies.*

- 9.2 Sekiranya pelajar gagal untuk membuat pembetulan yang sepatutnya, pelajar akan:

*Should the student(s) fails to do the amendment accordingly, the student shall:*

- 9.2.1 tidak dibenarkan mengikuti kuliah; dan  
*not be allowed to attend any lectures; and*

- 9.2.2 segala penilaian kursus berkenaan tidak akan diambilkira dan diberikan markah 0 (gred E).  
*all evaluations for the courses shall not be accounted for and be given 0 mark (E grade).*

- 9.3 Pelajar boleh menambah dan menggugurkan kursus sebelum atau pada minggu KEDUA (2) semester berkenaan.

*Student(s) can add or drop courses before or on the SECOND (2nd) week of the semester.*

- 9.4 Sebarang permohonan pembetulan pendaftaran kursus lewat daripada tempoh yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dikenakan denda pada kadar denda RM 100.00/ kursus.

*Any application for amendments of course registration later than the duration specified by the Centre for Graduate Studies without any acceptable reasons shall be fined RM 100.00/ course.*

## **10.0 Tarik Diri Kursus (TD)**

### ***Tarik Diri Kursus (TD) or Course Withdrawal***

- 10.1 Pelajar dengan persetujuan penyelia/ ketua program boleh memohon untuk Tarik Diri (TD) mana-mana kursus yang telah didaftarkan. Tempoh

TD yang dibenarkan adalah mengikut jadual kerja yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah mulai minggu KETUJUH (7) hingga minggu KESEMBILAN (9). Status TD akan dicatatkan dalam slip pendaftaran kursus dan transkrip. Setiap kursus yang berstatus TD akan dicatatkan sebagai Bawa Hadapan (BH) dalam slip keputusan peperiksaan kecuali kursus elektif.

*Student(s) with supervisor's/ head of programme's approvals can apply for Tarik Diri (TD) or withdrawal from any registered courses. The duration of course withdrawal should adhere to the work schedule specified by the Centre for Graduate Studies, starting from week SEVEN (7) until week NINE (9). Withdrawal status will be transcribed in the course registration slip and transcript. Each course with withdrawal status will be transcribed as Bawa Hadapan (BH) or brought forward on the examination slip except for elective courses.*

- 10.2 Kebenaran untuk pelajar Tarik Diri (TD) daripada mengikuti sesuatu kursus adalah tertakluk kepada jumlah kredit minimum yang ditetapkan sepertimana di **Jadual 3**.

*The permission to Tarik Diri (TD) or withdrawal from any courses is subject to the minimum sum of credit specified in **Table 3**.*

- 10.3 Sebarang permohonan Tarik Diri (TD) lewat daripada tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dikenakan denda pada kadar RM 100.00/ kursus.

*Any application for Tarik Diri (TD) or withdrawal later than the specified duration without acceptable reasons shall be fined RM 100.00/ course.*

## 11.0 Ulang Kursus (UK)

### *Ulang Kursus (UK) or Repeat Course*

11.1 Kursus teras yang gagal mesti diulangi sehingga lulus. Bagi tujuan pengiraan GPA dan CGPA, kredit dan mata nilai terakhir kursus yang diulang akan diambilkira dan kredit serta mata nilai yang asal akan dimansuhkan.

*Failed core course(s) must be reseatd until pass. For GPA and CGPA calculation, the final credit and point value of the repeated courses are accounted for, and the previous credit and point value will be revoked.*

11.2 Kursus elektif yang gagal boleh diganti dengan kursus elektif lain bagi tujuan melengkapkan jumlah kredit untuk bergraduan.

*Failed elective course(s) can be substituted with other elective course(s) in order to fulfill the total credit for graduation.*

11.3 Pelajar dibenarkan untuk ulang kursus Projek Sarjana I dan II terhad sebanyak DUA (2) kali sahaja dan akan diberi Kedudukan Gagal (KG) jika melebihi had tersebut.

*Students are allowed to repeat Master Project I and II courses limited to TWO (2) time only and will be given Failed Standing (KG) if they exceed the limit.*

## 12.0 Kehadiran

### *Attendance*

- 12.1 Pelajar mesti hadir tidak kurang daripada 80% daripada jumlah jam pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus berbentuk kuliah/ amali termasuk kursus Hadir Wajib (HW) dan Hadir Sahaja (HS).

*Student(s) must attend not less than 80% of the total meeting hours of lecture/ practical specified in a course, including Hadir Wajib (HW) and Hadir Sahaja (HS).*

- 12.2 Sekiranya pelajar gagal memenuhi peratus kehadiran sebagaimana dinyatakan di perkara 12.1 bagi mana-mana kursus tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti, pelajar tidak dibenarkan menduduki sebarang peperiksaan selanjutnya dan diberi markah 0 (Gred E) bagi kursus yang berkenaan atau Hadir Gagal (HG) bagi kursus Hadir Wajib (HW).

*Should the student failed to fulfil the attendance percentage as stated in item 12.1 for any courses without any reasons acceptable by the University, the student(s) shall not be allowed to sit for further examination. Students shall be given 0 mark (E Grade) for the respective courses or Hadir Gagal (HG) for Hadir Wajib (HW) courses.*

- 12.3 Bagi pelajar penyelidikan, aktiviti penyelidikan hendaklah direkodkan oleh penyelia dalam pelbagai bentuk medium komunikasi yang bersesuaian.

*For research students, the research activities should be recorded by the supervisor in a variety of suitable mediums of communication.*



### 13.0 Beban Akademik

#### *Academic Load*

- 13.1 Jumlah kredit maksimum yang dibenarkan diikuti pada setiap semester lazim ialah dua puluh (20) kredit bagi pelajar sepenuh masa dan SEPULUH (10) kredit bagi pelajar separuh masa.

*The maximum credit allowed to be enrolled in every regular semester is twenty (20) credits for full time students and TEN (10) credits for part time students.*

- 13.2 Bagi program yang menawarkan kursus pada semester pendek, jumlah kredit maksimum bagi pelajar sepenuh masa ialah SEPULUH (10) kredit dan ENAM (6) kredit bagi pelajar separuh masa. Jumlah kredit maksimum yang didaftarkan ini tidak terpakai untuk projek sarjana/ disertasi.

*For programmes offering courses in the short semester, the maximum credit amount for full time students are TEN (10) credits and SIX (6) credits for part time students. The maximum credit registered does not applied for postgraduate project/ dissertation.*

- 13.3 Pendaftaran kursus melebihi kredit maksimum hanya dibenarkan atas kelulusan Dekan Fakulti sepertimana dalam Jadual 3.

*Registration of courses exceeding the maximum credit is only allowed upon the approval of the Dean of the Faculty as stated in **Table 3**.*

- 13.4 Bagi semester pengajian terakhir, di mana pelajar sudah tidak mempunyai baki tempoh semester pengajian, Pusat Pengajian Siswazah melalui kelulusan Senat boleh membenarkan pengecualian kepada had-had minimum tersebut.

*For the final semester of study, where students no longer have any remaining semester of study, the Centre for Graduate Studies, through Senate approval, may allow exemptions to those with minimum limits.*

## 14.0 Perpindahan Kredit

### *Credit Transfer*

- 14.1 Pindah Kredit boleh dilakukan bagi EMPAT (4) kategori berikut:

*Credit Transfer can be made in accordance to the FOUR (4) categories as follows:*

- (i) Menegak (*vertical*) iaitu pemindahan kredit daripada peringkat Sarjana ke peringkat doktor falsafah/ kedoktoran.

*Vertical (vertical) which is credit transfer from Master's level to doctor of philosophy/doctoral level.*

- (ii) Mendatar (*horizontal*) iaitu pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti sarjana ke sarjana ATAU kedoktoran ke kedoktoran.

*Horizontal (horizontal) which is credit transfer from a program with identical qualification level such as master's degree to master's degree OR doctorate to doctorate.*

- (iii) Pindah Kredit bagi kursus yang diambil secara sendiri seperti *Massive Open Online Course (MOOC)* dan *Pentauliahan Mikro (Microcredentials)*.

*Credit Transfer for courses taken independently such as Massive Open Online Course (MOOC) and Micro-credentials.*

- (iv) Pindah Kredit melalui Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL (C)*).

*Credit transfer through Accreditation of Prior Experience-Based Learning (Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL (C)).*

- (v) Pindah kredit melalui program integrasi.

*Credit transfer through an integration program.*

14.2 Pemindahan kredit boleh dilaksanakan secara:

*Credit Transfer can be implemented through:*

- (i) Pemindahan Kredit Dengan Gred iaitu pindah kredit dengan gred yang telah diperolehi dan akan diambil kira dalam pengiraan GPA dan CGPA.

*Credit Transfer with Grade which refers to the transfer of credit with grade obtained and shall be included in the GPA and CGPA calculations.*

- (ii) Pemindahan Kredit Tanpa Gred iaitu pindah kredit dengan diberikan status Pengecualian Kredit.

*Credit Transfer without Grade which refers to the transfer of credit with credit exemption status.*

14.3 Syarat umum dan proses pindah kredit dinyatakan di Garis Panduan Pindah Kredit UTHM.

*General rules and Credit Transfer process is stated in the UTHM Transfer Credit Guideline Book.*

## 15.0 Penangguhan, Penggantungan dan Pemberhentian Pengajian

### *Deferment, Suspension and Termination of Study*

#### 15.1 Penangguhan Pengajian

##### *Deferment of Study*

##### 15.1.1 Penangguhan Pengajian Atas Sebab Kesihatan

###### *Deferment of Study Due to Health Reasons*

Pelajar boleh mengemukakan permohonan penangguhan pengajian dengan melampirkan pengesahan daripada doktor yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan kepada JKPSF.

*Students may submit their application for deferment with the attachment of confirmation from the doctor certified by the Medical Officer of the University or Government Hospital to the JKPSF.*

Penangguhan pengajian disebabkan oleh sakit tidak diambilkira dalam bilangan semester yang telah digunakan.

*Deferment of study due to illness is not considered in the number of semesters that have been used.*

##### 15.1.2 Penangguhan Pengajian Atas Sebab Kepentingan Negara

###### *Deferment of Study Due to Reasons of National Interest*

Pelajar boleh mengemukakan permohonan kepada JKPSF penangguhan pengajian atas sebab kepentingan Negara.

*Students may submit applications to the JKPSF for study deferment due to national interest.*

Penangguhan pengajian disebabkan oleh kepentingan Negara tidak diambilkira dalam bilangan semester yang telah digunakan.

*Deferment of study due to national interest is not considered in the number of semesters that have been used.*

### 15.1.3 Penangguhan Pengajian Atas Sebab Peribadi

*Deferment of Study for Personal Reasons*

Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian selain daripada perkara 15.1.1 dan 15.1.2 dengan kebenaran penaja (sekiranya ada). Tempoh penangguhan tersebut akan diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian. Pelajar tidak dibenarkan membuat penangguhan pengajian melebihi dua semester berturut-turut. Pelajar yang gagal mendaftar selepas penangguhan dua semester berturut-turut boleh diberhentikan.

*Students may apply to defer studies other than items 15.1.1 and 15.1.2 with the sponsor's permission (if applicable). The deferment period will be taken into account in calculating the duration of the study. Students are not allowed to postpone their studies for more than two consecutive semesters. Students who fail to register after a consecutive two-semester deferment shall be dismissed.*

15.1.3.1 Permohonan penangguhan pengajian yang dibuat selewat-lewatnya DUA (2) minggu sebelum semester penangguhan bermula tidak dikenakan caj yuran;

*No fees shall be imposed on the application for deferment of study submitted TWO (2) weeks prior the commencement of the deferred semester;*

15.1.3.2 Permohonan penangguhan pengajian pada semester SEMASA yang dibuat dalam tempoh minggu SATU (1) hingga minggu TUJUH (7) akan dikenakan separuh caj yuran penuh;

*Application for the deferment of study for the CURRENT semester made within week ONE (1) to week SEVEN (7) shall be charged half of the full fee;*

15.1.3.3 Permohonan penangguhan pengajian semester SEMASA yang dibuat selepas minggu TUJUH (7) akan dikenakan caj yuran penuh;

*Application for the deferment of study for the CURRENT semester after week SEVEN (7) shall be charged a full fee;*

15.1.3.4 Pelajar yang berada di semester maksimum pengajian tidak dibenarkan menangguh pengajian.

*Students in the maximum semester of study are not allowed to defer their studies.*

15.1.4 Pelajar berstatus tangguh pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan dan perkhidmatan Universiti.

*Students with deferred status are not eligible to use any of the University facilities and services.*

## 15.2 Penggantungan Pengajian

### *Suspension of Study*

15.2.1 Pelajar boleh digantung pengajian atas sebab-sebab berikut:

*Students may be suspended from the study due to the following reasons:*

(i) Tindakan Tatatertib  
*Disciplinary Action*

(ii) Arahan universiti  
*University directives*

15.2.2 Tempoh penggantungan tersebut tidak akan diambilkira dalam pengiraan bilangan semester yang digunakan.

*The suspended duration shall not be taken into account in the calculation of the number of semesters used.*

15.2.3 Pelajar yang digantung pengajian tidak dibenarkan menggunakan sebarang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Universiti.

*Suspended students shall not be allowed to use any facilities and services provided by the University.*

15.3 Pemberhentian Pengajian  
*Termination of Study*

15.3.1 Berhenti dengan izin  
*Withdrawal with permission*

15.3.1.1 Pelajar boleh memohon untuk berhenti pengajian pada bila-bila masa; dan

*Students may apply for withdrawal of study at any time; and*

15.3.1.2 Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan pengajiannya sehingga permohonan diluluskan oleh Universiti.

*Students shall not be permitted to leave their studies prior the approval of withdrawal application from the University.*

15.3.2 Diberhentikan daripada pengajian

*Termination from study*

15.3.2.1 Universiti boleh memberikan keputusan Kedudukan Gagal (KG) sekiranya CGPA yang diperolehi kurang daripada 2.70.

*The University may provide a Failed Standing (KG) result if the CGPA obtained is less than 2.70.*

15.3.2.2 Pelajar yang berhutang dengan Universiti juga boleh diberhentikan daripada pengajian.

*Students indebted to the University shall be terminated from their studies.*

15.3.2.3 Pelajar kanan yang gagal mendaftar kursus sebelum minggu DUA (2) semester semasa boleh diberhentikan daripada pengajian.

*Senior students who fail to register before the week TWO (2) of the current semester shall be terminated from their studies.*

15.3.2.4 Pelajar yang mendaftar ke program penyelidikan perlu menyiapkan pembetulan tesis dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh panel pemeriksa peperiksaan lisan. Jika pelajar gagal menyiapkan pembetulan tesis dalam



jangka masa yang ditetapkan tanpa sebarang sebab yang munasabah, pelajar akan diberikan Kedudukan Gagal (KG) dan hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti.

